

HERODOTUS: TOKOH SEJARAWAN KEBUDAYAAN PERADABAN YUNANI (GREEK)

oleh

ABDULLAH AL-HADI HJ. MUHAMAD

Perkataan sejarah itu berasal dari kata orang-orang Yunani (Greek) diabad yang keenam memberi pengertian menjalankan penyelidikan untuk mendapatkan pengetahuan tentang faktor-faktor dan kejadian yang sebenarnya berlaku dimasa yang lalu dengan keasliannya yang kukuh.² Walau bagaimanapun untuk ketetapan pengertiannya, saya lebih bersetu merujuk kepada definisi yang menyatakan sejarah itu mempunyai dua makna yang terus iaitu:

Pertamanya sejarah secara direk membawa erti sebagai masa yang lalu iaitu meliputi kumpulan kejadian-kejadian atau peristiwa-peristiwa yang telah berlaku dengan tidak mengira samada kejadian satu-satu peristiwa itu akan diingat, penting, berguna atau sebaleknya.

Kedua, secara indirek sejarah itu membawa erti sebagai *pengetahuan* bagi masa yang lalu.³

Apa pula yang dimaksudkan dengan sejarah kebudayaan? D.L. Sills memberikan maksud sejarah kebudayaan sebagai sebahagian dari sejarah umum (sub-division of general history) iaitu ianya berkaitan dengan perkembangan sejarah penduduk-penduduk yang butahuruf bagi masa ini dan yang lepas.⁴ Pengertian ini nampaknya lebih rapat kepada bidang antropologi. Walau bagaimanapun lebih menarik lagi definisi yang dikemukakan oleh Gould & Kolb yang lebih rapat kaitannya dengan disiplin sejarah yang kita maksudkan. Mereka memberi pengertian sejarah kebudayaan sebagai gambaran yang "integrated" tentang peristiwa-peristiwa kebudayaan yang berlaku dari masa kemasa.⁵

Setakat ini kita maseh belum memahami apa yang dimaksudkan dengan konsep "kebudayaan" itu sebenarnya. Tentang kebudayaan dapatlah dirujuk kepada definisi E.B. Taylor yang terkenal, yang menganggap kebudayaan sebagai satu keseluruhan yang kompleks yang didalamnya mengandungi ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, undang-undang, adat istiadat dan sebarang keupayaan dan kelaziman yang diperolehi oleh manusia sebagai anggota masyarakat.⁶ Dari huraian-huraian diatas, dapat dibuat satu kesimpulan bahawa apa yang dimaksudkan dengan "sejarawan kebudayaan" itu ialah ahli sejarah yang menulis mengenai

¹ Shotwell, J.T., "The History of History", Columbia University Press, New York, 1950, h. 8.

² Collingwood, R.W., "The Idea of History", London Oxford Paperback, London, 1966, h. 7.

³ Mohd. Yusof Ibrahim, *Pengertian Sejarah*, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 1971, h. 3.

⁴ Sill, D.L., "International Encyclopedia of the Social Sciences", Vol. 6, The Macmillan Company & The Free Press, New York, 1972, h. 448.

⁵ Gould J & Kolb W, "A Dictionary of the Social Sciences", Tavistock Publications, London, 1964, h. 171.

⁶ Soerjono Soekanto, "Sociologi: Satu Pengantar", Yayasan Penerbit Universitas Indonesia, Jakarta, 1974, h. 40-41.

masa yang lalu dengan memberi penumpuan kepada soal kebudayaan yang bererti keseluruhan kehidupan manusia. Ia meliputi sistem pemerintahan, mata pencarian hidup (ekonomi), sistem kemasyarakatan, bahasa, sistem pengetahuan kesenian dan ugama.

Latarbelakang rengkas diri Herodotus

Herodotus dilahirkan pada tahun 484 S.M. di Halicarnassus Asia Kecil dan menghembuskan nafasnya yang terakhir dalam tahun 425 S.M.⁷ Beliau pernah mengembara ke Parsi, Babylon, Mesir dan negeri-negeri yang berpantai Laut Mediteranean, untuk menjalankan kajian yang "empirikal" tentang adat istiadat yang mengumpulkan data-data untuk menghasilkan buku yang pertama ditulis mengikut kaedah-kaedah penulisan sejarah iaitu *The Persian War*.

Herodotus menggabongkan dua jenis penyelidikan sejarah. Pertamanya ia mendapatkan butir-butir mengenai peperangan Parsi-satu peristiwa yang berlaku seabad sebelum beliau lahir — dan beliau mengembara ke Asia Barat untuk mengumpulkan maklumat-maklumat mengenai keadaan dimasa itu atau pun di masa yang lalu di negeri-negeri yang dilawatinya.⁸ Adalah dipercayai kenyataannya sesuai dengan konsep sejarah Hecatius yang berdasarkan kebenaran. "*I will write the history of the wars between the Greeks and Persians on the basis of an inquiry (history)*",⁹ demikian kata Herodotus dalam pengenalan bukunya itu. Buku *The Persian Wars* ini, antara lain, menceritakan tentang peperangan antara Athens dengan Parsi, ditulis dalam bentuk cerita-cerita serta menggunakan sembilan tajuk yang berlainan.

Hasil penulisan Herodotus ini telah membawa kepada pengiktirafannya sebagai *Bapa Sejarah*.¹⁰ Gelaran *Bapa Sejarah* ini telah diberikan oleh Cicero.¹¹ Herodotus juga dianggap sebagai "Father of Anthropology".¹²

Terdapat beberapa faktor yang membawa kepada gelaran Herodotus sebagai "Bapa Sejarah" itu. Sebelum munculnya Herodotus dengan tulisan-tulisannya mengenai sejarah, kebudayaan tulisan-tulisan yang ada di Yunani ialah dalam bentuk *puisi* dan *legenda*. Beliaulah yang mula-mula menyimpang dari tradisi ini dengan menulis dalam bentuk prosa. Penulisan-penulisan berbentuk legenda tidak dapat menggambarkan peristiwa-peristiwa yang benar-benar berlaku. Unsur-unsur kajian secara saintifik juga digunakan oleh Herodotus. Beliau sering memberikan sebab kepada sesuatu peristiwa itu berlaku dengan cermat. Analisanya berkisar atau soalan: Bagaimakah peristiwa itu berlaku? Dan apakah akibatnya? Soal pentarikhkan pula sangat-sangat dipentingkan oleh Herodotus. Kepada beliau, pentarikhkan dapat menguatkan sesuatu laporan

⁷ Schevill, F. "Six Historians", the University of Chicago Press, Chicago, 1956, h. 192.

⁸ Arnaldo, M. "The Place of Herodotus on the History of Histioigraphy", "History - The Journal of Historical Association" — Vol. 43, 1958, Routledge & Kegan Paul, London, 1958, h. 2.

⁹ Schevill, F., *op.cit.*, h. 193.

¹⁰ Barnes, H.E., "A History of Historical Writing", Dover Publication Inc. New York 1963, h. 28.

¹¹ Odbams, "100 Great Lives", The Hamlyn Publishing Group Ltd. Watford Herts (Great Britain), 1969, h. 157.

¹² Barnes, H.E., *op.cit.*, h. 28.

untuk lebih dipertanggung jawabkan. Barnes mengakui Herodotus sebagai sejarawan Greek yang mementingkan soal kronologi yang komprehensif.

Beliau boleh dianggap seorang penulis yang tidak "bias". Dalam penulisannya mengenai peperangan Greek dengan Parsi, meskipun ia mempunyai sentimen untuk mempertahankan dan menjulang kejayaan negaranya, Greek, dalam peperangan itu, tetapi sebaliknya beliau tidak memberikan pandangan yang memburukkan Parsi. Walaupun tidak seratus peratus, tetapi ia menampakkan kecenderungan untuk membebaskan diri dari pengaruh sentimen yang memihak. Inilah satu gejala yang sangat dipentingkan dalam penulisan sejarah sekarang.

Herodotus sebagai sejarawan kebudayaan

Herodotus selain daripada dianggap sebagai "Bapa Sejarah" dan juga "Bapa Anthropologi", juga dikatakan sebagai sejarawan kebudayaan yang ulung dizaman Greek dahulu. Ini selari dengan kenyataan Barnes, "He differentiated with remarkable success for his age between the popular tales and what he himself believed. By his broad interests, Herodotus, really qualified as cultural histories".¹³

Mengapakah Barnes begitu bersungguh-sungguh dengan kenyataannya ini? Apakah landasan-landasan Barnes dalam mengiktiraf Herodotus sebagai sejarawan kebudayaan?

Untuk menyatakan sebab-sebabnya, perlulah kita teliti akan nasil penulisan Herodotus *The Persian Wars* yang mengandungi 9 bahagian itu.

Faktor yang pertama sekali ialah penulisan Herodotus ini dapat dikatakan sebagai meliputi keseluruhan aspek hidup penduduk-penduduk yang dikajinya. "He ranged from the climate of Various areas to the regimen of everyday life among the people he dealt with. And he described the diverse people he dealt with unusual freedom from race prejudice".¹⁴ Pendek kata ia meliputi semua aspek hidup manusia yang dapat kita rumuskan sebagai kebudayaan itu. Dan pemerian yang dilakukannya tidak pula berat sebelah. Meskipun penulisannya bertajok *The Persian Wars* iaitu peperangan yang berlaku antara Athens dengan Parsi ini tidak bererti bahawa penulisan beliau itu hanya disekitar peperangan tersebut sahaja. Herodotus banyak menceritakan tentang amalan-amalan dalam kepercayaan, moral, sebibina, politik, adat-istiadat dan berbagai lagi yang secara kolektifnya merangkumi keseluruhan kehidupan manusia. Ini dapat dibuktikan dari petikan-petikan yang diambil dari hasil penulisan Herodotus sendiri yang telah diterjemahkan oleh Aubrey de Selincourt:¹⁵

Aspek Ekonomi

Mengenai orang Mesir, Herodotus ada menerangkan bahawa wanita-wanita ditugaskan kepasar dan terdapat juga yang bekerja didalam perdagangan. Sementara gulungan lelaki pula tinggal di rumah dan menjalankan kerja tenunan. Tidak terdapat wanita-wanita yang memegang jawatan sebagai paderi-paderi.¹⁶

¹³ *Ibid.*, h. 29.

¹⁴ *Ibid.*

¹⁵ Herodotus, "Herodotus The Histories", Penguins Books (Canada) Ltd., Montreal 1955, Buku ini diterjemahkan oleh Aubrey de Selincourt.

¹⁶ *Ibid.*, h. 115.

Di Massagetae (dalam Empire Persia) tidak terdapat kegiatan pertanian. Penduduk-penduduk disitu hidup dengan bergantung kepada makanan daging dan ikan sahaja yang mana bahan-bahan makanan ini terdapat dengan berlebihan di Araxes.

Dalam bahagian kedua, Herodotus ada menulis tentang Raja Mesir yang memerintah negara Ethopia, telah membahagikan tanah-tanah dalam negerinya kepada lot-lot tertentu dan memberikannya kepada setiap orang penduduknya dengan luas kawasannya yang sama besar antara tiap-tiap orang. Hasil-hasil yang diperolehi dari tanah-tanah tersebut akan dikenakan cukai tahunan tertentu. Penduduk-penduduk yang kawasan tanahnya ditimpa banjir dikehendaki melapor kan kerugiannya kepada Raja. Raja pula akan menitahkan pegawai-pegawai bawahannya melawat ketempat-tempat berkenaan untuk mentaksirkan kerugianya. Dengan itu dapat ditentukan cukai baru yang perlu dibayar oleh penduduk tersebut.

Negeri Assyria dikatakan sebagai sebuah negeri yang terkaya di dunia dengan tanaman bijirinnya. Tidak ada usaha-usaha untuk menanam pokok ara (figs), anggor atau pokok zaitun (olives) atau sebarang jenis pokok-pokok buah-buahan yang lain.¹⁷

Aspek Ugama dan Adat Resam:

Mendirikan berhala-berhala, patong-patong dan tempat-tempat pemujaan (altars) adalah dianggap bertentangan dengan amalan dan kepercayaan orang-orang Parsi. Mereka yang melakukan ini dianggap bodoh. Ini disebabkan ugama orang-orang Parsi tidak seperti ugama orang-orang Greek. Orang-orang Parsi menyembah matahari, bulan, bumi, api, air dan angin.

Seterusnya mengenai orang-orang Parsi ini, mereka tidak dibenarkan menyembah dengan tujuan untuk mendapatkan restu (blessing) bagi dirinya sahaja. Ia seharusnya menyembah hanya untuk raja ataupun bagi keseluruhan komuniti tersebut termasuk dirinya sendiri. Dalam setahun, hari-hari yang paling dimuliakan oleh orang-orang Parsi ialah hari jadinya yang disambut dengan unta atau pun kaldai dihari mulia ini. Bagi rakyat dari gulungan pertengahan pula akan menyembelih binatang-binatang yang lebih kecil. Mereka menganggap bercakap tidak benar sebagai sifat yang sangat memalukan. Dari cara mereka memberi hormat bila berjumpa dijalanan raya membuatkan kita dapat mengetahui tinggi rendah taraf orang-orang Parsi ini. Jika bercium mulut sesama mereka bertemu, ini menunjukkan mereka berdua itu sama tarafnya, dan kalau tidak mereka akan mencium pipi.¹⁸

Bagi orang-orang Mesir pula, mereka dikatakan melarang makan ikan, Kacang dianggap kotor. Pada setiap bulan untuk tiga hari berturut-turut, mereka akan "mencuci" (purge) perut mereka. Mereka katakan ini adalah untuk kebaikan kesihatan diri mereka. Orang-orang Mesir percaya semua jenis penyakit adalah berpunca dari makanan yang mereka makan.¹⁹

¹⁷ *Ibid*, h. 92.

¹⁸ *Ibid*, h. 69.

¹⁹ *Ibid*, h. 117.

Aspek undang-undang

Dalam undang-undang negeri Parsi, terdapat larangan walaupun kepada Raja sendiri untuk menjatuhkan hukuman mati dengan hanya disebabkan satu kesalahan sahaja. Undang-undang Parsi juga tidak membenarkan orang-orang Parsi memukul orang-orang suruhan mereka yang boleh menyebabkan luka yang tidak boleh diubati.

Semasa pemerintahan Raja Deieces di Empayar Parsi, adalah di nyatakan oleh Herodotus bahawa dalam hal-hal keadilan, segala pengaduan rakyat hendaklah dipersembahkan kepada Raja dalam bentuk dokumen bertulis. Raja kemudian akan memberi keputusannya. Jika didengar baginda ada diantara rakyat yang bersikap sombong atau menunjuk-nunjuk kerana kekayaannya, baginda akan memerintah supaya yang berkenaan dihadapkan kepada baginda. Hukuman akan dijatuhkan setimpal dengan kesalahannya.

Pelajaran

Herodotus dalam penulisannya ada menyebutkan tentang pendidikan kanak-kanak lelaki orang-orang Parsi ialah diantara umur 5 tahun hingga 20 tahun dan mereka ini diajar tiga perkara sahaja; menunggang kuda, menggunakan panah dan bercakap benar.²⁰ Orang-orang Mesir pula dikatakan menulis atau membuat kira-kira dari kanan ke kiri. Dari tulisan pula terdiri dari dua bentuk: yang biasa dan yang suci (sacred).

Kesenian

Herodotus juga ada menyebutkan tentang sebuah batu peringatan Alyattes di Lydin, yang dibina dengan begitu indah sekali. penoh dengan ukiran-ukiran. Batu peringatan tersebut ada hingga kehari ini, yang terletak disebelah utara tebing Sungai Hermis. Luas batu peringatan ini ialah 1280 ela dan lebarnya 440 ela.²¹

Politik

Selepas kemangkatan Raja Cambyses (Raja Parsi) diadakan satu pemesyuaratan antara pembesar-pembesar negeri. Otanes, salah seorang dari pembesar-pembesar tersebut telah mencadangkan supaya diujudkan pemerintahan berdemokrasi menggantikan kerajaan monarki. "Monarchy is neither pleasant nor good . . . How can one fit monarchy into any sound system of ethics, when it allows a man to do whatever he likes without any responsibility or control? . . . The typical vice of monarch are envy and pride; envy because it is a natural human weakness, and pride, because excessive wealth and power lend to the delusion that he is something more than a man".²² Raja Parsi yang baru iaitu Darius telah membahagikan empayarnya kepada dua puluh wilayah yang dipanggil *Satrapies*. Seorang Gabenor bertanggung jawab keatas setiap wilayah. Gabenor-gabenor ini dilantik oleh Raja.

Dari beberapa petikan diatas yang diambil dari hasil penulisan Herodotus sendiri, maka terlihat jelas kepada kita bahawa penulisan Herodotus itu secara amnya

²⁰ *Ibid*, h. 70.

²¹ Herodotus, "The Persian Wars", The Modern Library, New York, 1942, h. 53. Buku ini diterjemahkan oleh George Rawlinson.

²² Herodotus, *Histories*, h. 209.

telah menyentuh seluruh aspek kehidupan manusia ini yang sungguh menakjubkan. Timbul persoalan bagaimana beliau boleh berjaya menghasilkan penulisannya itu? Sepertimana yang diketahui beliau telah melawat beberapa buah negara di Asia Barat untuk mendapatkan maklumat ini. Hasil dari pemerhatiannya, temuramah dengan penduduk-penduduk negara yang dilawati dan lawatanya ketugu-tugu peringatan, beliau telah dapat memberi gambaran yang agak jelas mengenai keseluruhan aspek negara tersebut. Maurice Croizet menganggap Herodotus adalah seorang yang genius. Dengan hanya melihat, membaca dan mendengar, Herodotus dengan kuasa geniusnya, minatnya terhadap benda-benda yang cantek, kebolehannya sebagai pencerita dan penulis dengan daya menarik sekali, beliau telah dapat menghasilkan penulisan yang sungguh dikagumi. Dalam bukunya *The Persian Wars* ini, Herodotus telah menceritakan kehidupan dua puluh jenis petempatan manusia yang berbeda corak hidupnya.²³ Kebolehan beliau ini sungguh mengagumkan khasnya dalam konteks masa tersebut. Tambahan pula beliaulah orang yang pertama menghasilkan penulisan sejarah dalam bentuk prosa dizaman Greek tersebut.

Herodotus juga berjaya menulis mengenai peperangan Parsi yang berlaku seabad sebelum beliau lahir kedunia. Hasil dari temuramah-temuramah dan juga penglihatan beliau sendiri terhadap kesan-kesan sejarah semasa lawatannya kenegera-negara yang berkenaan, beliau menulis dengan panjang lebar dan dapat diakui pula kebenarannya tentang peperangan tersebut. Seabad yang lalu bukanlah merupakan satu jangkamasa yang pendek. Hasil penulisannya itu pula telah digunakan sebagai sumber Sejarah yang utama mengenai peristiwa Peperangan Parsi itu.²⁴

Satu perkara lagi yang isitimewa mengenai Herodotus ini, ialah kebolehan beliau menghasilkan penulisan mengenai dan peradaban *The Hellenic* dan *The Oriental* tanpa memberatkan mana-mana pihak. Sepertimana yang telah dijelaskan terdahulu daripada ini, meskipun ia mempunyai sentimen untuk mempertahankan dan menjulang kejayaan negaranya, Greek, beliau tidak pula memberikan pandangan yang buruk mengenai Parsi. Malah ada anggapan yang menyatakan beliau bersikap terlalu adil kepada orang-orang Parsi hingga menyebabkan beliau digelar ditahun-tahun kemudiannya sebagai *Sahabat kepada orang-orang Barbarian*.²⁵ Sikap tanpa "bias" ini merupakan satu faktor yang membawa kepada pengiktirafannya sebagai "Father of History".

Ketokohan Herodotus sebagai sejarawan kebudayaan juga dapat dilihat dari usaha beliau memberi gambaran yang deskriptif lagi jelas mengenai dua peradaban yang dikatakan berbeda itu. Diawal-awalnya lagi (sebelum dilakukan kajiannya), beliau sudah menyatakan bahawa peperangan Parsi ini adalah disebabkan pertengangan antara dua peradaban tersebut. Dari anggapan itu dimulakannya kajian mengenai dua peradaban tersebut. Dan sebagai hasilnya, Barnes merumuskan "This exercise in his historical perspective led to the very entertaining and illuminating descriptions which he gave of the people of the western Mediterra-

²³ Barnes, H.E., *op.cit.*, h. 28.

²⁴ Arnaldo, M. *op.cit.*, h. 2.

²⁵ Chester G, *Encyclopedia Americana* Vol. 14, American Corporation, New York, 1972, h. 147.

nean and Asiatic world in the sixth and fifth centuries B.C."²⁶. J.B. Bury pula menyatakan jika Puisi Homer dapat menggambarkan kehidupan di zaman Greek lama, yang telah berjaya menggambarkan satu pemandangan panorama mengenai peradaban Hellenic dan juga kebudayaan orang-orang Timor di abad ke 6 SM.

Salah satu peradaban yang sangat mengagumkan dan difikirkannya patut dinyatakan ialah peradaban empayar Assyria yang mengandungi beberapa buah negara kota yang besar. Salah satu daripadanya ialah Babylon. Keistimewaan yang ada pada diri Herodotus terlihat jelas semasa ia memberi gambaran mengenai Babylon ini. Beliau telah menceritakan dengan panjang lebar dan deskriptif sekali mengenai kepercayaan dan upacara persesembahan yang diamalkan oleh orang-orang di kota Babylon, begitu juga mengenai senibina, susunan pemerintahan, sutekrasi dan lain-lain. Kota Babylon di katakannya terletak diatas dataran yang luas, berbentuk empatsegi dengan sempadan-sempadannya hampir empat belas batu panjang... Keindahan kota ini mengatasi kota-kota lain yang diketahui di dunia ini. Kota Babylon ini dikelilingi oleh parit yang besar yang dipenuhi air. Mengenai berhala yang terdapat di Babylon ini digambarkan sebagai terlalu indah bentoknya dan di perbuat daripada emas. (In the temple of Babylon there is a second shrine lower down, in which is a great sitting figure Bel, all of gold on a golden throne, supported an a base of gold, with a golden table standing beside it. I was told by the Chaldaeans that, to make all this more than twenty-two tons of gold were used. Outside the temple is a golden alter).²⁷ Orang-orang Babylon diceritakan berambut panjang, memakai serban (turban) dan menyapukan minyak wangi diseluruh anggota badannya. Digambarkan juga mengenai satu upacara dimana sekali dalam setiap tahun gadis-gadis yang belum kahwin di kumpulkan disuatu tempat dan disekelilingnya berdiri pemuda-pemuda dan juga lelaki yang berumur. Kemudian dijalankan perlelongan yang mana gadis-gadis itu dijual dimulai dengan gadis-gadis yang cantik sekali.

Dari hasil penulisan Herodotus mengenai "Persian Wars" ini yang telah meliputi aspek-aspek keseluruhan kehidupan manusia, iaitu aspek ugama, adat resam, bahasa, undang-undang, politik, sosial dan ekonomi, dengan penulisannya yang menarik sekali beserta dengan usahanya yang begitu gigih sekali, sanggup membawa beberapa buah negara untuk mendapatkan bahan-bahan bagi penulisannya itu maka Herodotus ini merupakan seorang sejarawan yang ulung di zaman Greek dahulu.

Seiring dengan itu faktor-faktor seperti kebolehan beliau memberi gambaran yang deskriptif keseluruhan aspek kehidupan manusia didaerah-daerah tersebut, penulisannya yang tidak "bias" dan kejayaannya menceritakan peristiwa yang berlaku seabad sebelum ia dilahirkan, menyebabkan ia juga dianggap sebagai sejarawan kebudayaan yang terulung dimasa itu. Walau bagaimanapun menjadi satu perkara keseluruhan manusia tetap ada kelemahan-kelemahannya, begitulah juga dengan diri Herodotus. Kritik-kritik timbul yang menyatakan terdapat perkara-perkara yang tidak benar didalam penulisannya. Ini memanglah benar

²⁶Barnes, J.B. "The Ancient Greek Historian", Dover Publication Inc., New York, 1958, h. 44.

²⁷Herodotus, *Histories*, h. 87.

tetapi timbulnya kenyataan-kenyataan yang tidak tepat ini berkemungkinan disebabkan orang-orang yang ditemuinya itu memberikan kenyataan yang tidak benar atau pun beliau sendiri telah salah mentafsirkan akan fakta-fakta yang ditemuinya. Walau bagaimanapun , kelemahan-kelemahan yang dimilikinya tidaklah menenggelamkan ketokohnanya sebagai sejarawan, maupun sejarawan kebutuhan yang terawal yang dikenali pada hari ini.